

03/03/2000

Jangan burukkan peribadi: Najib

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Umno diingatkan supaya tidak menyentuh soal peribadi pemimpin parti dalam usaha meraih sokongan menjelang pemilihan parti Mei ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata tindakan itu akan hanya menimbulkan suasana tidak sihat dalam proses pemilihan parti, sekaligus menggugat keutuhan dan perpaduan parti.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, tindakan itu juga akan memberi ruang kepada pihak pembangkang untuk menggunakan tuduhan yang dibangkitkan bagi menghentam kerajaan.

"Kita harap sebarang usaha untuk meraih sokongan tidak menyentuh soal peribadi atau mana-mana pemimpin... kerana jika orang Umno sendiri sentuh soal peribadi pemimpin Umno, ini memberi ruang kepada pihak pembangkang," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas wujudnya kempen seumpama itu termasuk yang ditujukan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kempen itu mendakwa Abdullah yang juga Naib Presiden Umno tetapi menjalankan tugas Timbalan Presiden sebagai terlalu mengikut telunjuk Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah bagaimanapun menyangkal tuduhan jahat itu yang digelar 'Sindrom Habibie' kelmarin, sebaliknya mengisytiharkan sokongan kepada Dr Mahathir yang disifatkan banyak berjasa kepada negara, bangsa dan agama.

Ditanya apakah tindakan yang wajar diambil bagi menangani kempen kotor itu, Najib berkata terpulang kepada kepimpinan parti untuk menentukannya.

Katanya, jika ada masalah seumpama itu maka ia harus dirujuk kepada Majlis Tertinggi.

(END)